

## PEKELILING JABATAN PENDAFTAR

### BILANGAN 2 TAHUN 2018

---

## PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK KAKITANGAN UniMAP SEPANJANG BULAN RAMADHAN 1439 HIJRAH

---

(Telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-87  
(Bil. 3/2013) pada 19 Julai 2013)

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan pindaan waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan **1439** Hijrah kepada semua staf UniMAP.

### 2.0 LATAR BELAKANG

Pekeliling ini bertujuan untuk meminda waktu bekerja sepanjang bulan Ramadhan setiap tahun bagi tujuan memberi peluang kepada semua staf membuat persediaan untuk berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan **1439** Hijrah.

### 3.0 PELAKSANAAN

Pindaan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 3.1 Pindaan waktu bekerja ini adalah hanya untuk bulan Ramadhan **1439** Hijrah sahaja.
- 3.2 Waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejaskan jumlah waktu bekerja iaitu **40 jam** seminggu seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

- 3.3 Mana-mana Ketua Jabatan adalah dibenarkan untuk mengarahkan kakitangan masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini sekiranya terdapat keperluan mendesak.
- 3.4 **Ketua Jabatan** haruslah memastikan semua staf di Jabatan/PTj masing- masing **mematuhi** dan **menepati waktu bekerja** sempena bulan Ramadhan **1439** Hijrah ini.
- 3.5 **Pegawai Pentadbiran** haruslah **memantau** kedatangan staf di jabatan masing-masing agar operasi dan pengurusan berjalan dengan lancar dan tidak menjejaskan mutu perkhidmatan dalam tempoh pindaan waktu bekerja sempena bulan Ramadhan **1439** Hijrah ini.
- 3.6 Jadual pindaan waktu bekerja adalah seperti berikut :

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.00 pagi – 1.15tgh	1.15 tgh–2.00 ptg	2.00 ptg – 4.45 ptg
Jumaat	8.00 pagi -12.15 tgh	12.15 tgh -2.30 ptg	2.30 ptg – 4.45 ptg

#### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari **1 Ramadhan 1439 Hijrah** sehingga hari terakhir bulan **Ramadhan 1439** Hijrah.

#### 5.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini dipanjangkan pemakaiannya kepada semua staf UniMAP.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**‘Tunjang Mengukuh Di Bumi, Pucuk Menjulung Tinggi’**



**(ZUBER HJ MOHAMAD)**

Pendaftar

14 Mei 2018